

Buletin Jabatan MUFTI MELAKA

Terbitan Edisi Ke-2



جايڤمفتي نيري كرمالان
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA



www.muftimelaka.gov.my

EDARAN PERCUMA

Seulas Pinang	02
Program Bicara Mufti	03
Penentuan Awal Bulan Islam di Malaysia	05
Lensa Candra	07
Anda Tanya Mufti Jawab	08
Sekilas Potret JMM	09
Artikel : Mencintai Rasulullah	11
Artikel : Adakah Anda Yakin Dengan Arah Kiblat Anda?	13
Enakmen Warta Fatwa	15
Perkhidmatan di Jabatan Mufti Melaka	17

Sidang
REDAKSI

PENAUNG

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil
Mufti Kerajaan Negeri Melaka

PENASIHAT

Sahibus Samahah Tuan Haji Hazarudin bin Haji Baharudin
Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Melaka

EDITOR

Ustazah Elieza Hana binti Md Taha
Ustazah Nor Hashimah binti Embong
Encik Nor Nazmi bin Razali
Encik Amir bin Ariffin

PENYELARAS

Ustaz Mohd Nidzar bin Nor Mohamd

SUNTINGAN & GRAFIK

Encik Mohd Azameer bin Zulkipli
Ustaz Zulkifly bin Yaakop
Puan Noranni binti Said
Cik Uliah binti Abu Kasim

PENERBIT

Bahagian Sumber Maklumat
Jabatan Mufti Negeri Melaka
Pusat Islam Melaka
Aras 2, Imarah A
Bukit Palah, 75400 Melaka



SAHIBUS SAMAAH DATUK WIRA HAJI ABDUL HALIM BIN TAWIL
MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah, setinggi-tinggi syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT di atas segala rahmat dan kasih-Nya kita masih meneruskan perjuangan mencari keredhaan dan ketakwaan. Selawat dan salam ke atas junjungan Baginda Rasulullah SAW ahli keluarga serta sahabat Baginda SAW.

Jutaan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga Jabatan Mufti Negeri Melaka di atas dedikasi dalam memberi komitmen yang tinggi bagi memastikan kelestarian Buletin Jabatan Mufti Negeri Melaka ini. Semoga komitmen dan kebersamaan ini akan sentiasa terjalin dan kita sebenarnya menyusuri kejayaan ini bersama.

Umat Islam secara keseluruhannya sedang berhadapan dengan dugaan, cabaran dan hambatan politik yang hebat. Bumi Palestin kembali bermandi darah. Bedilan bom kembali memecah keheningan alam. Hujan peluru kembali menghantui seluruh warganya. Kebangkitan rakyat Palestin ketika ini sudah pastinya kerana ledakan perasaan yang ditekan sejak sekian lama dan demi kecintaan mereka kepada tanah air mereka. Isu Palestin bukanlah isu baharu bahkan sejak berpuluh tahun, mereka hidup dalam ketakutan, penindasan, dan kekejaman rejim zionis Israel di tanah air mereka sendiri. Anak-anak kecil, kaum wanita, orang awam dibunuh sewenang-wenangnya. Mereka tidak mendapat kebebasan, pendidikan, kesihatan, dan keperluan hidup dengan sempurna. Kemudahan elektrik, air, bekalan makanan disekat masuk ke Palestin oleh Israel yang disokong oleh kuasa-kuasa besar dunia.

Justeru itu, pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMM) mengutuk sekeras-kerasnya tindakan yang dilakukan oleh rejim pengganas tersebut kerana ia bukan sekadar mencerooboh hak keamanan rakyat Palestin pada bulan yang mulia ini, bahkan telah mengundang kemarahan ke atas Umat Islam di seluruh dunia. Palestin adalah tanah wakaf buat seluruh Umat Islam. Jadi, semestinya telah menjadi tanggungjawab seluruh Umat Islam untuk mempertahankannya dari sebarang ancaman rejim pengganas Zionis. Pihak JMM menyeru agar seluruh Umat Islam terus berdoa agar Allah SWT memberi perlindungan serta kekuatan terhadap para mujahidin yang bertungkus-lumus mempertahankan kiblat pertama umat ini.

Kepada seluruh warga Jabatan Mufti Negeri Melaka diucapkan terima kasih kerana komited dalam melaksanakan tugas sepanjang Tahun 2023. Segala kekurangan dan kelemahan yang ada, mudah-mudahan dapat diatasi dengan jayanya. Akhir kalam, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga Jabatan Mufti Negeri Melaka kerana sentiasa memberi yang terbaik dalam menyampaikan maklumat dan informasi kepada semua.



Program Bicara Mufti

Bahagian Fatwa & Buhuth
Jabatan Mufti Negeri Melaka

Oleh :
Ustazah Nur Faziera binti Rosli
Pegawai Hal Ehwal Islam



Bicara Mufti merupakan program lazim oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka yang telah berlangsung selama beberapa tahun di Negeri Melaka dan telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan warga setempat yang berbilang kaum dan kepelbagaian umur. Ia dilaksanakan bagi mendekati masyarakat dari dalam dan juga luar bandar untuk menyampaikan informasi terkini berkaitan hal ehwal Islam khususnya isu-isu kefatwaan yang menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat. Program bual bicara ini bergerak dan dijayakan dengan lancar melalui kata sepakat bersama ahli jawatankuasa masjid-masjid dan Surau di sekitar Negeri Melaka.



Selaras dengan itu, program murni ini juga diimarahkan lagi dengan pelbagai slot dan aktiviti bermanfaat sekali gus mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Islam di negeri ini. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah slot forum ilmiah berbentuk bual bicara yang menampilkan barisan panel hebat daripada pelbagai Agensi Agama Islam di Negeri Melaka.





Sepanjang Pertengahan Tahun 2023, Program Bicara Mufti telah menjelajah di beberapa buah masjid dan surau antaranya Masjid Jamek Al-Hidayah Batu Berendam, Masjid Al-Hakim Kampung Pengkalan Renggam, Masjid As-Sobirin Kampung Gelam, Masjid Saga Ayer Paabas, Surau Al-Mubarak Taman Kesidang, Masjid Al-Ihsan Tebong, Masjid An-Nasuha Rembia, Masjid An-Sorusunnah Kampung Terentang dan Masjid Al-Ehsan Bukit Baru.

Program ini juga malah membuka ruang kepada Mufti Kerajaan Negeri Melaka menyantuni golongan masyarakat berhampiran dengan menyampaikan sumbangan berupa kit makanan selain berpeluang menunaikan Solat Magrib dan Isyak secara berjemaah bersama kariah masjid yang berkaitan.



Dalam pada itu, beberapa kaunter informasi serta pameran daripada Agensi Agama Negeri Melaka seperti Pusat Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka, Mahkamah Syariah Negeri Melaka dan Kementerian Dalam Negeri turut dibuka kepada jemaah yang hadir bagi mempromosi produk dan perkhidmatan yang disediakan khusus bagi Umat Islam di Negeri Melaka.



Program jelajah ini juga telah diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan bersama penggerak kariah masjid dan surau tempatan. Antaranya ialah pertandingan berzanji, pertandingan mewarna, gubahan bunga hantaran dan juga pertandingan memasak makanan tradisional.





Amalan Penentuan Awal *Ramadhan | Syawal | Zulhijjah* di Malaysia

Penentuan awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah adalah berdasarkan kepada kaedah "Rukyah dan Hisab" seperti yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja. Tarikh bagi melihat hilal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah akan diisytiharkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia beberapa hari sebelum tarikh melihat hilal.

Allah SWT berfirman:

“ Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai hal hilal. Katakanlah hilal itu menandakan waktu-waktu manusia, dan (bagi ibadah) haji ”

(Al-Baqarah ayat 189)

Terdapat beberapa jenis Takwim Hijri yang telah digunakan dan diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia iaitu Takwim Istilahi, Takwim Hakiki, Takwim Wujudul Hilal dan Takwim Imkanur Rukyah. Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan telah diperkenankan melihat hilal pada petang hari rukyah di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan seperti berikut :-

- 
- | | |
|---|---|
| 1. Pontian Kecil, Johor | 16. Bukit Peraksi, Pasir Puteh, Kelantan |
| 2. Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka | 17. Bukit Kampung Tembeling, Manjur, Olak Jeram, Kuala Krai, Kelantan |
| 3. Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan | 18. Menara SEDC, Kota Bahru, Kelantan |
| 4. Bukit Melawati, Kuala Selangor, Selangor | 19. Tanjong Lubang, Miri, Sarawak |
| 5. Bukit Jugra, Banting, Kuala Langat, Selangor | 20. Teluk Bandung, Kuching, Sarawak |
| 6. Balai Cerap Selangor, Sabak Bernam, Selangor | 21. Tanjung Batu, Bintulu, Sarawak |
| 7. Pantai Pasir Panjang, Pengkalan Baru, Manjong, Perak | 22. Balai Cerap Al-Biruni, Tanjung Dumpil, Sabah |
| 8. Pusat Falak Syiekh Tahir, Pantai Aceh, Pulau Pinang | 23. Bukit Tanjong Batu, Nenasi, Pahang |
| 9. Kampung Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah | 24. Gunung Brinchang, Cameron Highlands, Pahang |
| 10. Pemandangan Indah, Pulau Langkawi, Kedah | 25. Bukit Pelindong, Kuantan, Pahang |
| 11. Menara Alor Setar, Alor Setar, Kedah | 26. Tingkat 13, Menara UMS, Kampus Antarabangsa Labuan, Sabah |
| 12. Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu | 27. Menara Kuala Lumpur, Kuala Lumpur |
| 13. Bukit Kemuning, Kemaman, Terengganu | 28. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya |
| 14. Pulau Perhentian, Besut, Terengganu | 29. Menara Pandang Masjid Al-Hussain Kuala Perlis |
| 15. Balai Cerap UNISZA, Merang, Setiu, Terengganu | |

Majlis Raja-Raja telah mempersetujui bahawa cara menetapkan tarikh permulaan Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Zulhijjah adalah berdasarkan kaedah Rukyah dan Hisab. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja akan mengisytiharkan pada malam itu juga tarikh permulaan Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Qurban yang akan diumumkan melalui radio dan televisyen.

Sebaik sahaja Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menerima laporan daripada Ketua Rombongan ada kelihatan hilal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah, keputusan akan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekiranya laporan tidak kelihatan hilal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah diterima daripada semua lokasi melihat hilal, maka hendaklah berpanduan kepada kiraan falak (Hisab) yang telah disediakan oleh jawatankuasa bagi menetapkan awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah.

KRITERIA IMKANUR RUKYAH


Kriteria ini telah dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia pada 10 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada 25 Februari 2021.

Penggunaan Kriteria Baharu Imkanur Rukyah bagi Penentuan Bulan Hijrah dalam Kalendar Hijrah di Malaysia iaitu :-

Hilal dianggap boleh kelihatan apabila kiraan memenuhi syarat berikut :

Ketika Matahari terbenam, ketinggian hilal di atas ufuk (horizon) tidak kurang daripada 3° (tiga darjah) DAN jarak lengkung antara hilal ke Matahari (elongasi) tidak kurang daripada 6.4 °


Kriteria Imkanur Rukyah (kebolehnampakan) ini telah diterima pakai bagi menentukan permulaan keseluruhan Bulan-Bulan Qamariah, bermula tahun Muharram 1443H (2021M).



Kriteria
Imkanur Rukyah
1443H

oleh:
Encik Nor Nazmi bin Razali
Pegawai Sains, JMM

Lensa Candra



HILAL SAFAR 1445H

Tarikh / Masa : 17 Ogos 2023M (30 Muharam 1445H) / 07.30 pm MYT

Umur Bulan : 26 Jam

Altitud Bulan : 6°45'27"

Jarak Langsung : 11°16'24"


Azimut Bulan : 282°42'43"

Peralatan Cerapan : Teleskop Takehashi FS-128, Kamera DSLR Canon EOS 80D

Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Melaka)

Latitud : 2°17'35"

Longitud : 102°5'6"



HILAL RAMADAN 1444H

Tarikh / Masa : 22 Mac 2023M (29 Syaa'ban 1444H) / 7.45 pm MYT

Umur Bulan : 18 jam 22 minit

Altitud Bulan : 2°59'33"

Jarak Langsung : 9°14'15"


Azimut Bulan : 272°43'24"

Peralatan Cerapan : Teleskop Takehashi FS-128, Kamera DSLR Canon EOS 80D

Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Melaka)

Latitud : 2°17'35"

Longitud : 102°5'6"



HILAL ZULKAEDAH 1444H

Tarikh / Masa : 20 Mei 2023M (29 Syawal 1444H) / 7.44 pm MYT

Umur Bulan : 18 jam 51 minit

Altitud Bulan : 1°15'34"

Jarak Langsung : 9°14'16"

Azimut Bulan : 294°44'50"

Peralatan Cerapan : Teleskop Takehashi FS-128, Kamera DSLR Canon EOS 80D

Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Melaka)

Latitud : 2°17'35"

Longitud : 102°5'6"



HUKUM BAGI WALI PENGANTIN PEREMPUAN YANG BERTINDAK SEBAGAI SAKSI SEMASA AKAD NIKAH

Jika wali mewakilkan kepada seorang untuk menikahkan anaknya dan wali tersebut hadir di dalam majlis akad sebagai saksi nikah, maka pernikahan tersebut tidak sah di sisi hukum syarak. Oleh itu, pernikahan tersebut perlu dilaksanakan semula mengikut kepada rukun dan syarat nikah yang betul.



Anda Tanya Mufti Jawab



STATUS KEHALALAN HASIL PRODUK MINYAK TERPAKAI

Adalah menjadi kewajipan setiap pengguna yang beragama Islam untuk menggunakan produk, sama ada bersifat pemakanan, penggunaan atau perkhidmatan yang memenuhi piawaian syariah iaitu halal dan thoyyib. Halal dan thoyyib adalah keperluan mutlak yang mesti dipenuhi dan dipatuhi pengguna yang beragama Islam. Terma ini bersifat amat komprehensif di mana penentuan status kehalalan tersebut bukan sekadar berasaskan kepada kandungannya semata-mata, bahkan bermula daripada sumber asalnya sehingga kepada cara pemprosesan dan penghasilannya.

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ، وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka siapa yang takut terhadap syubhah bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan”.

(Riwayat Muslim)

Dalam situasi ini, minyak terpakai yang digunakan untuk pembuatan sabun, lilin, pencuci dan sebagainya tidak diketahui secara jelas sumbernya. Sehubungan dengan itu, hukum menggunakan produk-produk yang berasal daripada minyak terpakai yang tidak diketahui sumber asalnya ialah syubhah dan wajar **ditinggalkan** kerana kewajipan ke atas orang Islam itu untuk mencari yang halal dari segala aspek.



12 JANUARI 2023

**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL ARAH KIBLAT
STESEN PETRONAS NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN 2023M/1445H**

STESEN PETRONAS SEMABOK



**SEKILAS
PO**



J.



13 JANUARI 2023

**PASCA BANTUAN BANJIR
NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN
KAMPUNG DASUNG, KUALA BERANG**



7 FEBRUARI 2023

**MAJLIS DISKUSI FATWA SEMASA
PEMEGANG TAULIAH AGAMA & AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI MELAKA**

HOTEL PUTERI BAY, PANTAI PUTERI





16 MAC 2023

**PROGRAM DAURAH KITAB HURAIAN
"AL-WARAQAT FI USUL AL-FIQH"**

HOTEL CARA HULU, KG.HULU



TRET



M.M



11 APRIL 2023

**PROGRAM BICARA MUFTI MASJID ANSORUSUNNAH
KAMPUNG TERENTANG JASIN**

MASJID ANSORUSUNNAH JASIN



02 JUN 2023

**BICARA 2 MUFTI MASJID AL UMM BANDAR
BARU BANGI SELANGOR**

MASJID AL UMM BANDAR BARU BANGI





Mencintai RASULULLAH

Pendahuluan

Pada tanggal 12 Rabiul Awal dalam Kalendar Hijrah, lazimnya sambutan Maulidur Rasul disambut meriah di seluruh negara. Walaupun Rasulullah SAW telah meninggalkan kita sejak kira-kira 1431 tahun yang lalu tetapi dengan cinta dan kasih kepada Baginda serta Sunnah Baginda, maka kita merasakan seolah-olah Baginda masih hidup berada bersama dengan kita. Nabi Muhammad SAW adalah satu-satunya Rasul yang telah menyelesaikan tugas dan menyempurnakan amanah pekerjaan sewaktu hayat Baginda. Baginda telah membawa kepada kita risalah Allah dengan dua situasi. Pertama, dengan menyampaikan perintah dan panduan Allah SWT melalui wahyu Qurani dan yang kedua menghidupkan wahyu Allah dengan sempurna melalui perbuatan, perkataan dan pengakuannya atau apa yang dinamakan sebagai Sunnah Nabawiyyah. Kemuliaan akhlak Rasulullah SAW sebagai mana diceritakan dalam Al-Qur'an, wajib diambil tauladan secara mutlak dan ditaati oleh manusia sepanjang kehidupan ini. Firman Allah SWT dalam Surah al-Taghabun ayat 12 yang bermaksud:

“Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasul, maka kalau kamu berpaling maka sesungguhnya kewajiban Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah Allah) dengan jelas dan nyata”

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT menegaskan bahawa perintah mentaati Rasulullah SAW adalah bererti mentaati Allah SWT dan mengingkari Baginda bererti juga mengingkari Allah SWT.



Rasulullah Ikutan **TERBAIK!**

Bukti penegasan ketaatan kepada Rasulullah ini terdapat di dalam kalimah syahadah. Kalimah ini mensyaratkan bahawa seseorang tidak boleh menganut Islam jika hanya mengaku beriman kepada Allah SWT tanpa mengakui kerasulan Nabi Muhammad SAW. Ini menggambarkan satu istinbat mutlak bahawa makna mencintai Rasulullah adalah mentaati keseluruhan ajaran Baginda. Pada masa sama ia membawa kita untuk mencintai Allah SWT. Oleh itu, beriman kepada Rasulullah adalah wajib dan menjadi tunjang kekuatan aqidah Islam. Sesiapa yang mengingkari perintah Rasulullah bererti dia keluar daripada lingkaran keimanan.

Selari dengan iqrar yang kita lafazkan dalam syahadah, maka menjadi tanggungjawab kita untuk mengingatkan umat Islam sekalian bahawa semua ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah hendaklah dipatuhi dan diamalkan. Jika kita mengabaikan pelaksanaan perintah-perintah Allah dan suruhan Rasulnya maka Allah akan menjauhkan daripada kita.



Oleh:
Dr Mohd Nadzli bin Omar
Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka

Rasulullah yang diutuskan oleh Allah pada hakikatnya mempunyai pelbagai hikmah dan keistimewaannya. Tugas hakiki Rasulullah kepada umatnya adalah untuk menyampaikan kepada manusia tentang perintah Allah yang tidak mampu dicapai oleh akal fikiran manusia sehingga dengan itu, manusia tidak dapat lagi berhujah di hari akhirat kelak di hadapan Allah bahawa mereka tidak menerima ajaran yang disampaikan oleh para rasul ini. Ini disebabkan manusia tidak boleh dibebankan dengan tanggungjawab taklif dalam perkara yang tidak ketahuinya. Firman Allah dalam Surah al-Qasas 59 yang bermaksud :

“Dan Tuhanmu tidak akan membinasakan kota-kota, sebelum dia mengutuskan di ibu kota itu seorang Rasul yang membacakan ayat-ayat Kami kepada mereka dan tidak pula Kami membinasakan kota-kota, kecuali penduduknya dalam keadaan melakukan kezaliman”.

Menerusi ayat ini membuktikan bahawa peranan seorang Rasul adalah untuk menyampaikan kepada manusia berhubung perintah Allah untuk dilaksanakan sehinggakan Allah tidak akan menimpakan musibah dan bencana sehingga seorang Rasul itu diutuskan. Ini adalah bukti bahawa kehadiran Rasulullah adalah untuk membawa peringatan bagi ikutan kepada umatnya agar tidak ditimpakan musibah selagi berpegang kepada ajaran Islam.

Peranan Rasulullah jua adalah untuk menyampaikan berita gembira dengan balasan baik kepada orang yang mentaati perintah Allah SWT dan memberi peringatan dengan balasan buruk bagi mereka yang melanggar perintahNya. Firman Allah dalam Surah an-Nisa ayat 165 yang bermaksud : ***“Kami utuskan para Rasul selaku utusan pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar tiada alasan bagi manusia membantah Allah swt sesudah diutusnya para Rasul tersebut. Dan adalah Allah Maha Perkasa Lagi Maha Bijaksana”.*** Menerusi dalil ini, menunjukkan bahawa tujuan pengutusan Rasul di kalangan manusia adalah untuk memaklumkan tentang berita gembira kepada manusia yang melaksanakan segala perintah Allah dan memberi amaran keras kepada mereka yang melakukan kemungkaran di atas muka bumi ini.

Seterusnya peranan Rasulullah adalah untuk menerangkan kepada manusia berkaitan peraturan-peraturan hidup yang tepat dan benar agar manusia dapat berinteraksi dengan dirinya sendiri dan dengan orang lain dengan cara yang betul dan dapat mewujudkan keamanan, kebahagiaan dan keharmonian hidup di dunia ini. Sesungguhnya semua peraturan hidup yang ditetapkan oleh manusia yang jauh dari petunjuk Allah akan gagal untuk membahagiakan manusia sejagat dan ia terdedah kepada perubahan dan tokok tambah dari masa ke semasa. Firman Allah dalam Surah al-Hadid 25 yang bermaksud : ***“Sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan Kami turunkan kepada mereka kitab dan neraka (keadilan) supaya manusia dapat menegakkan keadilan (dalam memutuskan sesuatu perkara antara mereka)”.***

Seterusnya peranan Rasulullah adalah untuk menjelaskan kepada manusia bahawa di sebalik alam ini, wujudnya alam yang lain yang tidak dapat dicerap oleh pancaindera manusia yang terbatas ruang pemikirannya. Oleh itu, manusia memerlukan khidmat seorang Rasul yang dapat menjelas dan menerangkan tentang alam ghaib itu bagi tujuan peringatan terhadap balasan yang akan diterima selepas dunia ini berakhir. Firman Allah swt dalam Surah al-Kahfi 107-108 yang bermaksud : ***“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh bagi mereka syurga Firdaus yang menjadi tempat tinggal mereka, mereka kekal di dalamnya dan tidak mahu berpindah daripadanya.”*** Dalil ini menunjukkan adanya hari pembalasan yang menggembirakan bagi mereka yang beramal.

Jelas menunjukkan bahawa pengutusan Rasul khususnya Baginda Rasulullah SAW amat signifikan dan bermakna bagi kehidupan umat manusia. Peranannya amat besar bagi memastikan kesejahteraan manusia akan terpelihara dan terjaga di dunia dan akhirat. Wajar bagi umat manusia untuk mencintai Baginda dengan melaksanakan segala arahan Baginda dan meninggalkan segala larangannya. Itulah kemuncak kepada kasih dan cintanya kepada utusan Allah yang Maha Agung iaitu Rasulullah SAW bagi setiap manusia.



KESIMPULAN



Adakah Anda

Yakin Dengan


Arah Kiblat

Rumah, Premis atau Pejabat Anda?

Arah Kiblat merupakan salah satu elemen yang penting dalam kehidupan Umat Islam. Ini kerana arah kiblat menjadi salah satu daripada syarat sah dalam menunaikan ibadah fardhu yang wajib seperti solat dan tawaf serta ibadah-ibadah sunat yang lain. Sekiranya Umat Islam melaksanakan ibadah tanpa menghadap atau terpesong daripada arah kiblat yang sebenar, maka ibadah yang ditunaikan adalah batal dan tidak sah. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 144 yang bermaksud :

*“...dan di mana sahaja kamu berada,
palingkanlah mukamu ke arahnya...”*

Berdasarkan dalil al-Quran tersebut, fuqaha' ulama' bersepakat seseorang yang berada di Makkah atau hampir dengannya hendaklah menghadap '**ain** (binaan) Kaabah secara yakin selagi mana keadaan mengizinkan. Sekiranya keadaan tidak mengizinkan, wajib baginya berijtihad dalam menghadap '**ain** Kaabah dan tidak memadai baginya menghadap **jihah** (arah) Kaabah.



Manakala bagi seseorang yang berada jauh dari Makkah samada perlu menghadap '**ain** Kaabah atau **jihah** Kaabah, jumhur ulama' selain daripada ulama Mazhab Shafi'i berpendapat seseorang yang berada jauh dari Makkah memadai hanya dengan menghadap **jihah** Kaabah dan tidak wajib menghadap '**ain** Kaabah. Manakala menurut pandangan daripada fuqaha' Mazhab Shafi'i berpendapat, seseorang yang berada hampir dengan Makkah hendaklah menghadap '**ain** Kaabah secara yakin, manakala seseorang yang berada jauh dari Makkah hendaklah menghadap '**ain** Kaabah tetapi secara **dzan**. Oleh yang demikian, Umat Islam wajib mengetahui di mana kedudukan arah kiblat secara **dzanni** khususnya ketika menunaikan ibadah fardhu solat dan ibadah yang sunat yang lain.

Dalam konteks Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Malaysia, urusan dalam menentukan semakan arah kiblat diletakkan di bawah bidang tugas Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri-negeri. Ia selaras dengan fungsi dan peranan Jabatan Mufti Negeri dalam menyemak dan menentukan arah kiblat di masjid, surau, madrasah, premis-premis dan bangunan yang memiliki ruang untuk solat. Bagi semakan arah kiblat di rumah-rumah persendirian pula, Jabatan Mufti Negeri Melaka turut menawarkan perkhidmatan semakan arah kiblat di rumah-rumah persendirian, stesen minyak dan premis-premis pejabat yang memiliki ruang untuk solat dengan kadar cas RM100 bagi rumah persendirian manakala RM200 bagi premis hotel, pejabat atau stesen minyak. Selain itu, bagi menyemarakkan lagi Sambutan Tahun Melawat Melaka Tahun 2024, pihak Jabatan Mufti Melaka mempromosikan perkhidmatan semakan arah kiblat kepada semua penduduk Negeri Melaka yang berminat. Perkhidmatan semakan arah kiblat ini akan dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Falak Negeri Melaka yang berautoriti dan berkemahiran dalam bidang ilmu falak dan astronomi. Selain itu, pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan ini turut diberikan tiga pelekat arah kiblat percuma untuk ditampal di mana-mana ruang di dalam rumah.

Oleh :
Muhammad Saifullah bin Dimyati
Pen. Peg. Hal Ehwal Islam, JMM



FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36
FATWA UNDER SECTION 36

THE FATWA set out in the Schedule was prepared by the Fatwa Committee under section 35 of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [En. No.7 of 2002] and has been submitted to the Majlis by the Mufti, on behalf and in the name of the Fatwa Committee, pursuant to subsection 36(3), and the Yang di-Pertuan Agong has given his assent under subsection 36(4) for the publication of the fatwa in the Gazette and the State Government has been informed of the fatwa pursuant to subsection 36(6) and the fatwa is published the Gazette under that subsection.

1. Fahaman yang dibawa oleh Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd adalah menyeleweng daripada ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
2. Ajaran Asmaul Husna yang dibawa oleh Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd hendaklah segera disekat keseluruhannya daripada disebarkan kepada umat Islam di negeri ini;
3. Oleh itu, mana-mana orang Islam adalah diharam dan dilarang:
 - i. berpegang, beramal atau terlibat dengan fahaman dan ajaran ini.
 - ii. merujuk dan menyebarkan semua bentuk pengajaran, penerbitan dan pengedaran bahan-bahan ajaran buku-buku mengenai ajaran Asmaul Husna karangan Dr. Wan Maseri binti Wan Mohd atau seumpamanya melalui apa jua medium.
4. Mereka yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.
5. Mana-mana orang Islam yang melakukan apa juga aktiviti yang berkaitan dengan ajaran Asmaul Husna yang dibawa oleh Dr. Wan Maseri bin Wan Mohd atau seumpamanya adalah melakukan kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di negeri Melaka.

DATUK SERI UTAMA (DR.) HJ. SULAIMAN BIN MD ALI
Pengerusi/Chairman
Majlis Agama Islam Melaka

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36
FATWA UNDER SECTION 36

THE FATWA set out in the Schedule was prepared by the Fatwa Committee under section 35 of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [En. No.7 of 2002] and has been submitted to the Majlis by the Mufti, on behalf and in the name of the Fatwa Committee, pursuant to subsection 36(3), and the Yang di-Pertuan Agong has given his assent under subsection 36(4) for the publication of the fatwa in the Gazette and the State Government has been informed of the fatwa pursuant to subsection 36(6) and the fatwa is published the Gazette under that subsection.

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan;
2. Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 lahzah mengikut Taqvim Qamariah dari tarikh akad nikah yang sah;
3. Anak tak sah taraf boleh didaftarkan kepada bapa biologi tanpa “bin” atau “binti”;
4. Oleh itu, adalah dilarang dan haram hukum syarak:
 - (a) Mana-mana individu menasabkan anak tak sah taraf kepada lelaki sama ada yang menyebabkan kelahirannya atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut;
 - (b) Mana-mana lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut menjadi wali kepada anak tak sah taraf tersebut; dan
 - (c) Anak tak sah taraf dengan lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau mana-mana individu yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf saling menerima dan memberi pusaka.

DATUK SERI UTAMA (DR.) HJ. SULAIMAN BIN MD ALI
Pengerusi/Chairman
Majlis Agama Islam Melaka



PERKHIDMATAN JABATAN MUFTI MELAKA



VISI JABATAN

Menjadi Institusi Mufti Yang Efektif Dan Berwibawa
Dalam Memantapkan Akidah, Memartabatkan Syariat
Dan Memperkasakan Akhlak Ummah



1.MENGURUSKAN
KAEDAH PENGELUARAN
FATWA



2.MEMBERI KHIDMAT
PANDANGAN HUKUM
SYARAK



3.MENGURUS
PENGELUARAN
TAULIAH MENGAJAR
AGAMA



4.MELAKSANAKAN
CERAPAN HILAL RASMI
DAN BULANAN NEGERI
MELAKA



5.MENYEDIKAN
TAKWIM HIJRAH DAN
JADUAL BERBUKA
PUASA DAN IMSAK



6.MENYEDIKAN PERKHIDMATAN
SEMAKAN,PENENTUAN DAN
PENGESAHAN ARAH KIBLAT BAGI
NEGERI MELAKA



LAMAN RASMI :
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA



حاجي مكي بكر محمد



PERKHIDMATAN SEMAKAN ARAH KIBLAT RUMAH PERSENDIRIAN

HUBUNGI :
BAHAGIAN FALAK SYARIE
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA
ARAS 2, IMARAH A
PUSAT ISLAM MELAKA
75400 MELAKA

**RM100
PERCUMA
3 STICKER**

☎ 06-2847920 / 06-2847921 | www.muftimelaka.gov.my

f Jabatan Mufti Negeri Melaka



@MuftiMelaka



BALAI CERAP DAN PLANETARIUM AL-KHAWARIZMI

- ✓ Galeri Permainan Interaktif
- ✓ Galeri Peralatan Tradisional Falak
- ✓ Galeri Penerokaan Angkasa Lepas
- ✓ Galeri Balai Cerap
- ✓ Galeri Bintang-Bintang

DEWASA
RM 7.00
KANAK-KANAK
RM 5.00

LOKASI



DIBUKA SETIAP ISNIN - SABTU (9.30 PAGI - 4.30 PETANG)
SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI - 06-384 2148 (BALAI CERAP)